

## **TEKS UCAPAN**

**Y.BHG. PROF. DR. ZULKIFILIE IBRAHIM**

**TNC (A&A) UTeM**

---

**Majlis Penghargaan MPP UTeM Sesi 2020/2021**

*9 Februari 2022, AMES Hotel Ayer Keroh, 8.00 malam*

---

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

**Y.Bhg. Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Yang diraikan barisan Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar UTeM sesi 2020/2021 yang diketuai oleh Saudara Aiman Shafiq bin Azizan, selaku Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar bagi bersama barisan MPP sesi 2020/2021.

Serta Hadirin hadirat sekalian.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera*

1. Alhamdulillah segala puji bagi Allah kerana dengan rahmat dan izin-Nya pada malam ini, kita dapat dipertemukan secara fizikal dalam Majlis Penghargaan Majlis Perwakilan Pelajar UTeM Sesi 2020/2021.
2. Pertama sekali, saya ingin sampaikan salam dari Prof. Dr. Ghazali Omar, Menjalankan Fungsi Naib Canselor. Beliau minta maaf kerana di saat-saat akhir beliau tidak dapat bersama-sama hadir majlis malam ini kerana masalah kesihatan yang tidak dapat dielakkan. Beliau sampaikan salam kepada semua, dan mengucapkan terima kasih di atas segala sumbangan yang telah saudara saudari

curahkan kepada Universiti, dan berharap majlis pada malam ini berjalan dengan lancar.


### 3. Talking points:

- a. Merakamkan ribuan terima kasih kepada kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar UTeM sesi 2020/2021 yang telah diterajui oleh Saudara Aiman Shafiq bin Azizan bersama barisan Exco.
- b. Pihak universiti amat berbangga dengan khidmat bakti dan sokongan yang diberikan dalam membantu pihak Pengurusan menyelesaikan beberapa isu yang pada masa kini dapat ditangani secara telus dan efektif.

- c. Diharapkan mantan MPP dan barisan Exco telah memperoleh pengalaman yang dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam meniti kehidupan masa hadapan.
- d. Kongsiakan pengalaman berharga ini dan kaedah pengurusan terbaik yang pastinya akan diteladani oleh barisan kepimpinan MPP yang baharu.
- e. Saya juga melihat barisan MPP UTeM banyak membantu dan terlibat sama dalam memudahkan pelaksanaan aktiviti peringkat Universiti yang melibatkan siswa, seperti TUAH Back to Campus, Hello TUAH, Program School Attack Siswa, Ops Pulang TUAH, dan banyak lagi.

- f. Teruskan semangat keaktifan ini dan teruskan keseimbangan pencapaian dalam akademik dan aktiviti berpersatuan.
- g. Teruskan memberi sumbangan yang terbaik kepada UTeM.
- h. Jadilah mentor yang terbaik kepada adik-adik/siswa siswi UTeM yang lain khususnya dalam berkongsi kemahiran kepimpinan dan keseimbangan pengurusan masa yang efektif .
- i. Akhir kata, terima kasih sekali lagi kepada barisan MPP UTeM Sesi 2020/2021

- j. Semoga kerjasama antara pihak pengurusan Universiti dan MPP ini dapat diteruskan demi kebaikan kita semua khususnya kepada UTeM tercinta.



Daun gaharu si daun palas,  
Alas duduk puteri kayangan,  
Jasa saudara saudari tidak terbalas,  
Seumur hidup menjadi kenangan.

Sekian wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wr. wbth.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA